



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

UKHUWAH DIHAYATI, PERPADUAN DIBERKATI

Tarikh Dibaca:

**14 SAFAR 1447H /
8 OGOS 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قِيلَ لَهُمْ كُنْزُوا لَهُمْ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

UKHUWAH DIHAYATI, PERPADUAN DIBERKATI

8 OGOS 2025 / 14 SAFAR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

الحجرات [10]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: 'Ukhuwah Dihayati, Perpaduan Diberkati'.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Perpaduan ialah proses menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara agar setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta menanam perasaan cinta dan bangga terhadap tanah air. Dalam Islam, perpaduan bukan sekadar keperluan dalam hidup bermasyarakat malah ia merupakan perintah Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 10 yang dibacakan pada permulaan khutbah bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.

Perpaduan juga merupakan fitrah manusia kerana kita saling memerlukan antara satu sama lain. Hidup bersendirian tanpa sokongan orang lain ialah sesuatu yang mustahil. Justeru, masyarakat yang bersatu akan saling menguatkan dan melindungi ibarat satu jasad. Hal ini digambarkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Nu'man bin Basyir *radhiallahuanhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ،
تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

Maksudnya: “Perumpamaan orang mukmin dalam sikap saling mencintai, mengasihi dan menyayangi seumpama tubuh. Jika satu anggota tubuh sakit, maka anggota tubuh yang lain akan susah tidur atau merasakan demam”.

Sebagai umat Islam, kita sepatutnya lebih mudah untuk bersatu kerana didorong oleh dua faktor utama iaitu perintah Allah SWT dan juga fitrah manusia itu sendiri. Namun, realiti masyarakat hari ini tidak begitu. Sejak kebelakangan ini, segelintir masyarakat kelihatan semakin galak mengapi-apikan perpecahan, menyebarkan fitnah dan keburukan. Media sosial menjadi medan caci maki, bukan lagi tempat menyebarkan kebaikan. Lebih membimbangkan apabila sifat-sifat negatif seperti individualistik, prasangka buruk serta fanatik terhadap ideologi dan fahaman politik menular tanpa kawalan. Bahkan isu-isu khilafiah turut dijadikan bahan untuk mencetuskan perpecahan.

Akhirnya, umat Islam berbalah sesama sendiri sedangkan musuh bertepuk tangan menyaksikan perpecahan ini. Sampai bilakah kita mahu terus berbalah? Allah SWT mengingatkan kita supaya mengutamakan perpaduan demi kekuatan ummah melalui firmanNya dalam Surah al-Anfal ayat 46:

﴿وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ

الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar”.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Bagaimana kita mahu membina semula perpaduan? Kuncinya ialah kembali kepada ajaran Islam yang mengajarkan kasih sayang, toleransi dan ukhuwah. Ia bukan teori semata-mata malah telah dibuktikan secara praktikal oleh Rasulullah SAW. Baginda SAW berjaya menyatukan kabilah-kabilah arab yang sebelumnya saling bermusuhan. Begitu juga para ulama terdahulu seperti Imam al-Syafie, Imam Abu Hanifah dan lain-lain. Walaupun mereka berbeza mazhab dan aliran pemikiran, sifat berkasih sayang, saling menghormati dan bekerjasama demi kebaikan ummah tetap menjadi keutamaan. Justeru, mimbar pada hari ini ingin mengetengahkan beberapa asas penting sebagai panduan untuk memelihara perpaduan umat antaranya;

Pertama: Perpaduan mestilah bermula dari hati.

Perpaduan yang sejati mestilah bersifat spiritual dan bertunjangkan iman. Kebersamaan ideologi, kepentingan ekonomi atau sosial hanya bersifat luaran. Iman yang kukuh akan mendorong seseorang untuk menolak sifat mementingkan diri, takabur dan tamak. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Anas bin Malik *radiallahuanhu* berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: “Tidak beriman (tidak sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri”.

Kedua: Belajar menerima perbezaan.

Setiap manusia diciptakan berbeza-beza dan perbezaan ini ialah fitrah yang mengandungi hikmah tersendiri. Ia mencipta kekuatan dan keindahan dalam kehidupan bermasyarakat.

Perpaduan boleh diumpamakan seperti sebuah bangunan kukuh yang dibina dengan pelbagai bahan. Jika hanya satu bahan digunakan, nescaya bangunan itu akan mudah runtuh. Begitulah juga masyarakat, kekuatannya lahir daripada kerjasama antara pelbagai latar belakang. Oleh itu, carilah titik persamaan sebagai asas perpaduan. Kukuhkan persamaan tersebut dan uruslah perbezaan dengan sikap berlapang dada, saling bertolak ansur serta saling menghormati. Semua ini boleh diperkukuhkan melalui program-program kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong, majlis zikir dan tazkirah bulanan, program ziarah kasih dan lain-lain usaha yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat.

Ketiga: Hindari sifat menghina dan merendahkan.

Perpaduan tidak akan wujud selagi masih ada sifat takabur. Orang yang takabur merasakan dirinya lebih baik dan tidak memerlukan orang lain. Sikap ini menjadi penghalang kepada kerjasama dan permuafakatan. Rasulullah SAW tidak pernah merendahkan sesiapa. Baginda SAW menyatukan umat atas dasar iman dan kasih sayang. Maka, marilah kita memulakan langkah dengan perkara kecil tetapi konsisten seperti bersalaman setiap kali selepas solat dengan jemaah di sebelah kiri dan kanan. Jika jiran atau kawan kita yang menghadapi kesulitan, jangan tunggu mereka untuk meminta bantuan, sebaliknya kita yang bertanya terlebih dahulu. Jika berlaku salah faham, jangan diamkan. Perkara-perkara ini tampak kecil tetapi inilah batu-bata yang membina tembok ukhuwah yang kukuh.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Usaha memupuk perpaduan bukan sahaja menjadi tanggungjawab individu dan masyarakat bahkan turut digerakkan secara berstruktur oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Dasar Perpaduan Negara yang dirangka berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Antara langkah yang telah diperkenalkan ialah melalui program Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) yang disambut pada Minggu terakhir bulan Mei setiap tahun. Melalui pelaksanaan program ini, kita dapat mewujudkan ruang kebersamaan dan interaksi aktif merentasi kaum dan generasi. Lebih penting, pelaksanaan SMP mengarusperdanakan konsep Faham, Hormat dan Terima, iaitu rakyat bukan sahaja memahami latar belakang dan budaya satu sama lain tetapi turut menghormati perbezaan serta menerima kepelbagaian sebagai kekuatan bersama.

Gabungan antara inisiatif berstruktur kerajaan dan penghayatan prinsip-prinsip Islam yang *syumul* inilah yang mampu membentuk masyarakat yang seimbang, menghargai perpaduan, berakhlak dan saling bertanggungjawab antara satu sama lain. Usaha ini tidak akan berjaya jika tidak disokong oleh jiwa yang ikhlas dan rakyat yang bertanggungjawab. Maka marilah kita bersama-sama memainkan peranan memperkukuhkan perpaduan ini. Janganlah kita menjadi punca perpecahan. Sebaliknya, jadilah kita sebagai ejen penyatuan ummah.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin menitipkan tiga pengajaran penting yang perlu kita sematkan dalam jiwa dan tindakan:

Pertama: Perpaduan bukan sahaja satu keperluan tetapi ia adalah satu perintah daripada Allah SWT dan fitrah manusia.

Kedua: Perpaduan itu melahirkan rasa persaudaraan, kasih sayang dan keamanan yang membawa kepada kesejahteraan sejagat.

Ketiga: Kekalkan perpaduan kita dengan Islam dan mempamerkan nilai-nilai murni seperti sikap hormat-menghormati, membebaskan diri daripada taklid buta dan mengekalkan ukhuwah persaudaraan walaupun berbeza bangsa, pendapat atau agama.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٩٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ اَكْخُوعْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكْخُوعْ، رَاجِ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.